

## “Komuniti”, sebagai Konsep dan Metod dalam Penyelidikan Sains Sosial: Tafsiran Sosiologikal

### *“Community”, as the Concept and Method in Social Sciences Research: Sociological Interpretation*

GUSNI SAAT

#### ABSTRAK

“Konsep” adalah sistem penerangan tentang hakikat sesuatu fenomena manusia dan alam, yang yang dibentuk hasil kajian empirikal. Konsep-konsep seperti keluarga, komuniti dan masyarakat, merupakan digunakan secara umum dalam kehidupan harian masyarakat. “Komuniti” boleh dilihat dari dua perspektif yang saling berhubung-kait, pertama, dari perspektif konsep dan kedua, dari perspektif metod penyelidikan untuk memaham masyarakat. Istilah “komuniti” kerap digunakan dalam penyelidikan, penerbitan, wacana akademik, perbualan harian dan malahan ia juga diungkapkan dalam dokumen-dokumen polisi negara. Ini membuktikan betapa berfungsinya komuniti sebagai konsep dan metod dalam masyarakat. Tetapi pengertian dan fungsinya sebagai konsep dan metod jarang dibincangkan. Makalah ini merupakan kertas konseptual, yang membincangkan komuniti sebagai konsep dan metod. Perbincangan ini adalah tafsiran terhadap pengertian komuniti dari perspektif sosiologikal dan bersandarkan pemerhatian empirikal. Bersandarkan pemerhatian empirical makalah ini menghujahkan bahawa: i) terdapat dua kategori komuniti iaitu komuniti generik dan juga komuniti khusus; ii) solidariti komuniti khusus kebiasaanya berasaskan kekeluargaan, hubungan darah, dan persamaan etnik; iii) Komuniti bersifat dinamik, oleh itu ia sentiasa terdedah kepada perubahan yang bersumberkan sektor ekonomi; teknologi komunikasi maklumat (ICT); modeniti dan urbanisme; iv) konsep komuniti generik dan komuniti khusus telah digunakan secara meluas dalam masyarakat sebagai sistem penerangan tentang pelbagai fenomena sosial seperti pembangunan, kemiskinan dan jenayah; disamping itu v) komuniti generik dan komuniti khusus juga berfungsi sebagai metod kajian sains sosial kerana kedua-dua konsep mengandungi ciri-ciri mikro-masyarakat yang dapat memerikan meningkatkan kefahaman terhadap makro-masyarakat. Dengan berpandukan dapatan kajian tentang sesuatu fenomena sosial peringkat komuniti generik dan komuniti khusus, para pengkaji akan dapat memahami fenomena sosial yang sama pada tahap makro-masyarakat.

*Kata kunci: Komuniti; konsep; metod; solidariti; mikro-makro-masyarakat*

#### ABSTRACT

“Concept” is a system of explanations of the reality of a human and natural phenomenon, which is the result of an empirical study. Concepts such as family, community and society are common usages in everyday life. The “community” can be viewed from two interrelated perspectives, first, perspective of the concept and second, perspective of the research method in order to understanding the society. The term “community” is frequently used in research, publishing, academic discourse, daily conversation and even it is mentioned in national policy documents. This proves that community functioning as a concept and method is very important in society. However, its meaning and function as concepts and methods are rarely discussed. This conceptual paper is discussing communities as concepts and methods. It’s an interpretation of understanding in the community from a sociological perspective and empirical observations. It’s argues that: i) there are two categories of communities: the generic community and the specific community; ii) community solidarity usually based on family, blood relations, and ethnic equality; iii) communities are dynamic, always exposed to changes in economic sectors; information communication technology (ICT); modernity and urbanism; iv) the concept of the generic community and the specific community has been widely used in society as a

*system of information on various social phenomena such as development, poverty, and crime; v) generic communities and specific communities also function as research methods in social sciences, because both concepts contain micro-societal characteristics that can enhance the understanding on macro-community. Through the study's findings of particular social phenomena at both the generic and the specific community level, then researchers can understand the same social phenomena at the level of macro-society.*

*Keywords: Community; concepts; methods; solidarity; micro-macro-society*

## PENGENALAN

Pada umumnya, semua orang dalam masyarakat hidup dalam “komuniti” (Bell & Newby 1971) terutama dalam masyarakat sedang membangun. Dalam perbincangan ini, masyarakat dirujuk sebagai sebuah sistem sosial yang terbentuk daripada tiga komponen utama iaitu manusia, institusi sosial dan geo-politik. Antara tiga komponen masyarakat, manusia adalah komponen dominan kerana manusia mencipta institusi dan geo-politik bagi memenuhi keperluannya. Dalam sesebuah masyarakat, manusia adalah bersifat kepelbagaian daripada banyak aspek seperti etnik, budaya, sistem kepercayaan, dan kumpulan sosial. Oleh itu manusia memerlukan institusi bagi mengurus perbezaan keperluan manusia yang pelbagai itu. Terdapat tiga kategori aturan sosial dalam institusi masyarakat, pertama, aturan sosial legal yang berkuatkuasa pada tahap makro; kedua, aturan sosial budaya yang bersifat mikro iaitu hanya melibatkan kumpulan etnik/sosial pemilik budaya berkenaan; dan ketiga, aturan sosial agama yang juga bersifat mikro iaitu hanya melibatkan penganut agama-agama berkenaan (Gusni & Jalihah 2019). Dari segi geo-politik, manusia dalam sesebuah masyarakat adalah berkongsi kedaulatan politik, maka komponen geo-politik dicipta bagi mengurus kedaulatan politik. Semua etnik dan kumpulan dalam sesebuah masyarakat adalah diikat oleh satu ikatan solidariti *sense of belongingness* rentas etniciti/ ras yang digambarkan oleh Anderson (1991) sebagai *Imagined community*.

Oleh kerana manusia sesebuah masyarakat adalah hidup dalam “komuniti”, baik dalam komuniti khusus ataupun komuniti generik, maka komuniti sebagai sebuah konsep mahupun sebagai sebuah metod kajian, dapat membantu kita untuk memahami proses-proses sosial/masyarakat. Atas sebab itulah semenjak 200 tahun lampau komuniti sebagai satu fenomena sosial dalam masyarakat terus menjadi subjek kajian sains sosial, terutama sosiologi. Hasilnya telah muncul berbagai-bagai konsep dan teori yang berkaitan dengan komuniti

yang cuba menjelaskan sebab-akibat terjadi perubahan sosial dalam masyarakat. Antaranya adalah konsep *primitive communities* oleh Redfield (1953), *mechanical and organic solidarity* oleh Durkheim (dalam Ritza 1996:19) dan *gemeinschaft* (komuniti) and *gesellschaft* (masyarakat) oleh Tonnies (1957). Walaupun demikian, semua konsep teoritikal yang terbentuk hasil kajian fenomena komuniti, kurang memberikan perhatian terhadap definisi komuniti sebagai sebuah konsep asas dalam kajian masyarakat. Sebagai reaksi terhadap kekurangan ini maka timbul perdebatan dalam kalangan ahli sosiologi tentang apa sebenarnya fenomena sosial yang dirujuk sebagai komuniti.

Hasil penelitian Colin Bell dan Howard Newby terhadap konsep-konsep komuniti yang sedia ada, terutama yang dikemukakan oleh George (1955 dalam Bell & Newby 1971: 27), bahawa terdapat 94 definisi tentang komuniti. Namun demikian menurut mereka, masih terdapat beberapa aspek konsep komuniti yang mencetuskan ketidaksepakatan dalam kalangan ahli sosiologi dan antropologi tentang makna komuniti. Hal ini memperlihatkan bahawa kesukaran bagi merumuskan sebuah konsep komuniti yang boleh diterima-pakai oleh semua ahli sosiologi, adalah berpunca daripada hakikat bahawa komuniti bukanlah bersifat statik sebaliknya ia bersifat dinamik dan pelbagai. Ia selaras dengan hukum sosial yang terus berubah mengikut peredaran zaman yang dicorakkan oleh inovasi teknologi dan tabiat kepenggunaan. Oleh itu pengertian komuniti, baik generik mahupun khusus, adalah bersifat kontemporari.

Menjana ilmu merupakan matlamat unggul setiap disiplin pengajian, tidak kira sama ada ia dalam kategori sains semula jadi atau sains sosial. Ia selaras dengan matlamat sains (ilmu) iaitu untuk membongkar kebenaran demi menjamin kesejahteraan manusia sejagat. Proses menjana ilmu adalah berkaitan dengan metodologi iaitu cara bagaimana sesuatu ilmu itu diperolehi dan dibentuk. Pembentukan pengetahuan adalah proses terakhir dalam penjana ilmu sesuatu bidang disiplin pengajian. Mengenai kaedah pembentukan ilmu

yang telah dijana menerusi proses penyelidikan, boleh dikatakan semua disiplin pengajian akademik dalam kategori sains semula jadi dan sains sosial mempunyai kaedah yang hampir sama iaitu merumuskannya dalam bentuk konsep dan teori.

Konsep dan teori dalam bidang sains sosial pada dasarnya adalah berbicara tentang masyarakat, walaupun setiap pengajian melihatnya daripada perspektif masing-masing. Oleh itu konsep dan teori adalah bersifat sepunya iaitu dapat diguna pakai oleh berbagai-bagai disiplin pengajian sains sosial yang berlainan, sesuai dengan keperluan masing-masing. Teori-teori sosial terutama sosiologi, terbahagi kepada tiga tahap iaitu teori besar (*grand theories*), teori-teori pertengahan (*middle range theories*) dan teori-teori kecil (*small range theories*). Saling perkaitan di antara tiga tahap teori ini amat rumit untuk dijelaskan, namun ia boleh difahamkan dalam bentuk “kerangka konsep”. Kerangka konsep adalah tergolong dalam kategori teori-teori kecil. Konsep merupakan unsur teori yang paling asas dan bersifat empirikal. Kedudukannya adalah di antara teori pertengahan dengan teori kecil yang menjadi jambatan penghubung antara teori iaitu pemikiran abstrak, dengan dunia empirikal. Penggunaan konsep dalam sesebuah teori dapat dibentuk sebagai operasi konsep menjadikannya lebih konkrit sebagai alat kajian. Sesebuah konsep atau teori yang terhasil dari sesebuah penyelidikan, bukanlah sesuatu yang baharu, sebab asasnya adalah konsep-konsep yang sedia ada. Sebaliknya ia lebih merupakan modifikasi kepada konsep-konsep yang sedia ada, setelah ia diujikaji dalam dunia empirikal semasa dan dalam konteks persekitaran fizikal dan sosio-budaya yang berlainan. Demikianlah, bagaimana korpus ilmu sains sosial seperti sosiologi, terus berkembang menerusi proses penyelidikan dan wacana ilmiah.

Makalah ini tergolong dalam kategori kertas konseptual, yang bertujuan membincangkan komuniti bukan setakat konsep tetapi lebih dari itu, ia juga sebenarnya sebuah metod penyelidikan dalam bidang sains sosial terutama sosiologi. Perbincangannya lebih merupakan tafsiran sosiologikal terhadap makna komuniti dan bagaimana ia boleh dianggap berfungsi sebagai sebuah metod penyelidikan ilmiah. Tafsiran ini adalah bersandarkan pengalaman kajian-kajian empirikal masa lalu, termasuklah pengalaman kajian empirikal para pengkaji yang lain. Seperti yang telah dinyatakan dalam perenggan lima, ini bermakna, konsep komuniti yang diutarakan dalam perbincangan makalah ini, bukanlah baru kerana ia masih berasaskan konsep yang sedia

ada. Apa yang baru hanyalah beberapa tafsiran kontemporari terhadap konsep komuniti, dengan memberikan tafsiran empirikal sebagai kemaskini terhadap pengertian semasa komuniti. Seterusnya, perbincangan ini cuba mengangkat komuniti sebagai sebuah metod penyelidikan bagi memahami isu-isu masyarakat pada tahap mikro (komuniti)-makro (masyarakat).

## KOMUNITI SEBAGAI KONSEP

“Konsep” adalah satu istilah yang begitu terkenal dan penting baik dalam dunia akademik mahupun dalam kehidupan harian masyarakat. Ia merupakan sebuah sistem penerangan tentang satu kategori kejadian sosial. Seheinggakan hampir tidak ada sesiapa yang boleh bercakap tanpa menyebut sesuatu konsep, demikianlah pentingnya konsep dalam kehidupan harian masyarakat. Kemiskinan, pembangunan, kemunduran, keluarga, kekerabatan, stratifikasi sosial, kelas sosial, kuasa, nelayan, petani, peniaga, komuniti dan masyarakat, semuanya adalah konsep tentang kategori tertentu fenomena sosial. Ciri konsep yang paling dasar ialah kebolehan menerangkan dirinya sendiri kerana apabila sesuatu konsep disebut maka orang telah faham maknanya, terutama para ahli sains sosial. Oleh itu, dengan menggunakan konsep penerangan terhadap sesuatu fenomena sosial akan menjadi lebih mudah, jelas, tepat dan sistematik. Dengan demikian sesebuah konsep berupaya meringkaskan dengan padat dan tepat keterangan terhadap sesuatu fenomena sosial. Penggunaan konsep-konsep yang bersesuaian dalam sesebuah penyelidikan atau penulisan ilmiah amatlah dituntut kerana ia akan menjadikan penyelidikan atau penulisan berkenaan lebih ilmiah dan saintifik.

Daripada perspektif sosiologikal, “komuniti” merupakan salah satu daripada konsep induk dalam kajian masyarakat, atas tiga faktor, pertama, ia berfungsi sebagai satu sistem penerangan tentang sesebuah fenomena sosial makro (masyarakat) pada tahap mikro (komuniti); dan kedua, ia adalah unit analisis bagi membolehkan para pengkaji memahami masyarakat secara holistik; dan ketiga, ia membolehkan para pengkaji membuat perbandingan dari segi perbezaan dan persamaan ciri-ciri sosio-budaya, etnik, persekitaran dan isu-isu sosial dalam kalangan komuniti yang berlainan. “Komuniti” adalah konsep umum yang digunakan dalam pelbagai konteks dan ia hanya akan menjadi khusus bila diberikan konteks seperti “komuniti akademik”, komuniti desa, komuniti bandar, yang semuanya

bersifat “komuniti alam maya” (*virtual community*). Komuniti alam maya menjelma dalam dua bentuk, pertama, sebagai bentuk ikatan solidariti; dan kedua, sebagai bentuk landasan komunikasi. Sebagai bentuk landasan komunikasi, komuniti alam maya adalah fenomena era globalisasi atau pascamoden yang berasaskan *information technology communication* (ICT) seperti email, whatsapp, face book, dan Instagram. Beberapa contoh jenis komuniti yang dinyatakan di atas, menunjukkan bahawa “komuniti” mempunyai banyak pengertian dan ia tertakluk kepada subjek fenomena sosial yang diwakilinya.

Namun demikian berdasarkan pembahagian yang dibuat oleh George, secara umum ia dapat dibahagi kepada dua kategori pengertian, pertama, pengertian “generik” (*generic*) dan kedua, pengertian “khusus”. Berdasarkan huraian pengertian komuniti oleh Bell & Newby (1971), dapat dikenal-pasti bahawa hal yang membezakan dua kategori komuniti ini adalah jenis ikatan solidariti antara kedua-duanya.

#### KOMUNITI GENERIK

“Komuniti generik” adalah merujuk kepada penggunaan perkataan “komuniti” sebagai istilah konseptual (George 1955 dalam Bell & Newby 1971). Berdasarkan pendapat George itu maka komuniti generik adalah satu bentuk ikatan solidariti yang berasaskan sesuatu kegiatan sosio-budaya dan ekonomi. Pada umumnya ia berada pada tahap alam maya (*virtual*) iaitu semua orang dalam komuniti itu sedar bahawa mereka menjalankan kegiatan yang sama walaupun saling tidak mengenal antara satu sama lain. Ikatan solidariti ini hanya menjelma sebagai bentuk-bentuk hubungan sosial apabila sekumpulan komuniti generik bekerja sama dalam bidang yang diceburi, bagi mencapai matlamat masing-masing seperti persatuan peniaga-peniaga kecil, persatuan nelayan, dan persatuan peladang. Dalam hal ini pengertian komuniti memberikan penekanan kepada aspek persamaan kepentingan, persamaan kerjaya dan minat di kalangan kumpulan-kumpulan sosial. Oleh itu komuniti generik adalah merangkumi orang-orang yang berkepentingan sosio-ekonomi dan politik yang memerlukan kerjasama dengan semua pihak yang berkepentingan. Tambahan pula, matlamat bersama lebih mudah dicapai menerusi tindakan kolektif komuniti generik. Ini kerana komuniti generik yang bergerak secara organisasi mempunyai

kekuatan dari segi mengumpul lebih banyak ahli peringkat lokal dan global, mengumpul sumber seperti modal dan mendapatkan sokongan dari agensi-agensi negara peringkat nasional dan global. Sebagai pihak pengeluar sesuatu produk yang menyentuh kepentingan awam dan negara, maka mereka mempunyai kuasa berunding yang berkesan dengan pihak negara.

Oleh hal yang demikian komuniti generik berbeza daripada komuniti khusus kerana solidaritinya bukan berasaskan ikatan etnik, darah, keluarga, puak dan kekerabatan dalam konteks tradisional tetapi berteraskan ikatan kerjaya dalam konteks masyarakat moden. Ahli-ahlinya adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai minat dan kerjaya yang sama yang datang daripada pelbagai latar belakang etnik, budaya, geografi dan kelas sosial. Dalam konteks komuniti generik sering kedengaran ungkapan-ungkapan seperti komuniti nelayan, komuniti petani, komuniti peniaga, komuniti akademik, komuniti pengamal undang-undang, komuniti media dan klinik komuniti. Dalam hal ini komuniti adalah merujuk kepada komuniti jenis generik. Nelayan contohnya, adalah satu kategori sosial yang mengkhusus dalam sektor perikanan, yang melibatkan sejumlah orang tidak kira dimana sahaja mereka berada, tanpa kenal antara satu sama lain. Dengan itu, komuniti dari sudut pengertian generik adalah sejumlah orang yang diikat oleh solidariti sektor pekerjaan nelayan tanpa mengira etnik, budaya, agama dan tempat tinggal.

Malahan di Malaysia kini istilah komuniti telah menjadi satu jenaman rasmi, sebagai contoh istilah “industri dan komuniti”, pusat khidmat “komuniti” dan “klinik komuniti”. Dalam kes ini, komuniti dirujuk sebagai sekumpulan orang yang berkongsi keperluan, tanpa mengira apa etnik, agama, status sosial dan tempat mereka tinggal. Ciri paling asas kepada pengertian komuniti generik ialah asas solidariti orang yang bernaung di bawah komuniti itu bukannya persamaan dari segi tempat tinggal, hubungan darah, kinship atau etnik. Akan tetapi ciri asas solidaritinya hanyalah persamaan kepentingan seperti kerjaya, politik, keselamatan dan kedaulatan, yang membolehkan mereka dipanggil sebagai komuniti.

Komuniti generik ini pula ada yang formal dan tidak formal. Komuniti generik yang tidak formal adalah merujuk kepada orang yang berada dalam kategori kerjaya tetapi tidak menjadi ahli dalam sesebuah organisasi/persatuan dalam kategori kerjaya berkenaan. Contohnya, komuniti nelayan

yang bermaksud semua orang yang bekerja menangkap ikan adalah komuniti generik yang umum. Berbeza dengan persatuan nelayan daerah A, adalah merujuk kepada komuniti formal yang melibatkan keahlian berdaftar. Dari segi operasi organisasi, komuniti generik formal mempunyai beberapa asas persamaan dengan komuniti khusus seperti komuniti desa ada struktur dan fungsi organisasi. Fungsi komuniti generik formal bergerak atas prinsip kepentingan bersamayang diperjuangkan secara tindakan kolektif.

Pertubuhan-pertubuhan seperti pertubuhan nelayan kebangsaan, pertubuhan peladang, dewan perniagaan Melayu adalah pertubuhan-pertubuhan yang berasaskan komuniti generik dalam bidang pekerjaan berkenaan. Malahan dalam soal kepentingan politik bersama, muncul pertubuhan-pertubuhan politik yang bertujuan menjaga kepentingan sesebuah etnik seperti UMNO, MIC dan MCA. Pada asalnya ia dikenal sebagai komuniti Melayu, komuniti India dan komuniti Cina di Malaysia. Lebih jauh dari itu, pada peringkat serantau ada pula komuniti yang bersifat serantau seperti komuniti ASEAN, komuniti Eropah dan komuniti Arab yang akhirnya muncul sebagai pertubuhan politik-ekonomi serantau. Konsep komuniti generik ini dapat difahami dengan mendalam dalam buku Anderson (1991) berjudul “Imagined Communities”. Beliau menghuraikan bahawa dalam sesebuah masyarakat warganya bersifat pelbagai (*heterogenes*) dari segi etnik, budaya, kelas sosial, geografi tempat tinggal dan mereka saling tidak kenal. Walaupun demikian mereka juga amat sedar bahawa mereka itu wujud dalam satu ruang geo-politik dan berkongsi kedaulatan dan sumber. Apabila kedaulatan dan sumber bersama terancam maka mereka akan bertindak secara kolektif demi melindungi kepentingan bersama.

## KOMUNITI KHUSUS

Komuniti khusus adalah merujuk kepada sekumpulan orang yang mempunyai ikatan kekeluargaan dan kekerabatan dan etnik serta mereka hidup secara kolektif dalam sesebuah kawasan. Oleh sebab itu menurut George (1955 dalam Bell, C & Newby, H. 1971:27) satu daripada ciri utama komuniti khusus adalah ruang (*space*) iaitu komuniti menduduki satu wilayah yang terhad yang digunakan secara kolektif untuk mendapatkan sumber bagi kelangsungan hidup. Sumber utama solidariti komuniti khusus adalah berteraskan hubungan puak

(*clan*) dan kekerabatan (*kinship*). Setiap komuniti khusus mempunyai organisasi sosial dan budaya yang merangkum pelbagai dimensi seperti politik, adat istiadat, perubatan, perbidanan dan keagamaan. Pembentukan modal sosial dan pengamalannya adalah berteraskan kepada sentimen kekitaan (*sense of belonging*) atau ikatan emosional (*emosional cohesive*). Daripada perspektif sosiologi, komuniti khusus adalah merujuk kepada satu kategori sosial dalam sesebuah masyarakat yang hidup secara kolektif dalam sesebuah wilayah tradisional. Komuniti khusus bukan sahaja wujud di kawasan luar bandar, malahan akibat urbanisasi *in situ*, mereka juga wujud dalam kawasan bandar.

Modal sosial yang dirujuk sebagai norma-norma (*norms*), kepercayaan (*trust*) yang membuatkan warga komuniti saling bekerja sama bagi mencapai matlamat individu dan komuniti (Putnam et al 1993) adalah satu daripada ciri penting komuniti khusus. Komuniti kaya dengan berbagai-bagai sumber modal sosial. Malahan komuniti itu sendiri telah diasaskan dan dikembangkan dengan menggunakan kekuatan modal sosial (Kot 2012). Hal ini membayangkan bahawa kebanyakan aktiviti dalam kalangan warga komuniti adalah berpusatkan komuniti dan kepentingan komuniti harus didahulukan (Gusni 2010a). Ini bermakna dalam apa juga tindakan sosial warga sesebuah komuniti khusus, ia sepatutnya mengutamakan kepentingan bersama iaitu komuniti. Komuniti adalah tempat berlindung dan bergantung bagi setiap warganya dari segi emosi, keselamatan, ekonomi dan sistem kepercayaan. Tidak akan ada dalam kalangan individu atau keluarga dalam komuniti yang berasa selamat dan boleh hidup tanpa sokongan komuniti. Walau bagaimanapun, dalam konteks komuniti khusus kontemporari, sifat solidariti keluarga dalam komuniti khusus sudah mulai berubah. Sebagai contoh, solidariti mekanikal telah mengalami perubahan kepada jenis solidariti organik. Perubahan bentuk solidariti ini nampaknya telah mencairkan solidari komuniti khusus kontemporari, terutama di kawasan bandar.

Dilihat daripada sudut ragam penghidupan (*mode of livelihood*), komuniti khusus dapat dikelompokkan kepada dua jenis iaitu yang berasaskan ragam kehidupan darat dan maritim. Antara perbezaan utama dua kategori komuniti khusus ini adalah dari segi konsep pemilikan tanah. Dalam kelompok komuniti khusus maritim sedentari, tanah hanya tempat mendirikan petempatan yang terletak di pesisir pantai dan tebing sungai. Sedangkan kawasan pesisir dan kepulauan yang

menjadi wilayah tradisional perikanan mereka adalah luas dan terbuka (Gusni, 2010a). Kepada jenis kelompok komuniti khususnya darat pula, kebiasaannya tanah mereka terbahagi kepada tanah petempatan/ladang dan tanah rayau. Tanah yang diduduki oleh dua jenis komuniti khusus adalah dianggap sebagai Tanah Hak Adat Natif (*NCR on land*) yang telah diwarisi dari beberapa generasi terdahulu (John 2009). Hanya yang menjadi isu adalah kebanyakan tanah NCR komuniti khusus tidak diwartakan, terutama komuniti khusus maritim.

Bilangan ahli sesebuah komuniti khusus secara relatif adalah sedikit tetapi mereka diikat menjadi bersama oleh hubungan pertalian darah yang bersumberkan kekeluargaan, puak dan kekerabatan. Penghidupan dalam komuniti adalah berteraskan prinsip kebersamaan dan modal sosial. Dalam hal ini Tonnies (1957) mengatakan bahawa dalam komuniti, hubungan manusia adalah rapat, status sosial diwarisi dan budaya relatif seragam. Prinsip ini menegaskan bahawa kepentingan komuniti harus didahulukan lebih daripada kepentingan individu/keluarga dalam sesebuah komuniti berkenaan. Bukan kerana kepentingan individu/keluarga tidak penting tetapi dalam amalan prinsip-prinsip kebersamaan itu sudah terangkum juga kepentingan individu/keluarga menerusi prinsip timbal-balik (*reciprocity*). Sebagai contoh, dalam aktiviti ekonomi semua keluarga berladang padi dan akan mendapat pertolongan secara bergilir atau bergilir secara berkelompok dari warga komuniti. Huraian di atas memberi gambaran bahawa dalam konteks komuniti khusus terutama komuniti desa tradisional, kebanyakan aspek kehidupan komuniti agak seragam seperti temat tinggal, ekonomi dan amalan-amalan lain dalam budaya. Dengan demikian, para ahli sosiologi dan antropologi cenderung untuk mengatakan bahawa komuniti desa lebih bersifat seragam (*homogenous*) dan dilihat sebagai manusia yang hidup dalam persekitaran semulajadi.

#### SOLIDARITI KOMUNITI

Solidariti komuniti merupakan faktor asas kepada pembentukan sesebuah komuniti kerana solidariti inilah yang membentuk sekumpulan manusia menjadi sebuah komuniti. Kuat atau lemahnya solidariti sesebuah komuniti khasnya komuniti khusus, juga boleh dilihat dalam modal sosial iaitu kebolehan warga komuniti untuk bekerjasama melakukan kegiatan komuniti, demi kepentingan bersama.

Bentuk ikatan solidariti generik lebih melihat komuniti dari sudut persamaan kerjaya atau pengkhususan kerja seperti komuniti nelayan, komuniti akademik, dan komuniti peniaga. Dalam konteks masyarakat pasca-modern atau globalisasi, solidariti komuniti generik boleh berlaku secara alam maya menerusi ICT. Sedangkan pengertian komuniti khusus, melihat komuniti daripada segi solidariti yang berasaskan etnik, kekeluargaan dan budaya dalam kalangan warga yang membentuk sesebuah petempatan dalam kawasan tertentu. Daripada perspektif sosiologikal dalam komuniti terdapat empat angkubah, pertama, bilangan pelaku; kedua, kesedaran tindakan; ketiga, matlamat tindakan; dan keempat, penerima tindakan. Dalam konteks komuniti khusus secara mudah solidariti bermaksud perasaan dan tindakan kebersamaan warga komuniti dan ia berasaskan sentimen aturan sosial budaya dan sistem kepercayaan.

Seperti yang telah dijelaskan dalam perenggan 1, bahagian pengenalan, bahawa dalam masyarakat terdapat tiga jenis aturan sosial yang berkuatkuasa dalam masyarakat: i) aturan sosial legal; ii) aturan sosial budaya; dan iii) aturan sosial agama. Bagi komuniti khusus, aturan sosial yang lebih berpengaruh adalah aturan sosial budaya dan agama. Dalam keadaan tertentu biasanya sentimen kekitaan komuniti khusus adalah melampaui batas rasional. Ia disebabkan kuatnya ikatan kekeluargaan yang berasaskan darah, keluarga dan keturunan yang semuanya telah membentuk ikatan emosi komuniti khusus. Oleh itu solidariti merupakan satu "kuasa" yang menjelma dalam aturan sosial budaya komuniti seperti adat, adat-istiadat, upacara, adat kekeluargaan, dan adat penggunaan tanah. Oleh itu aturan-aturan sosial yang berkuatkuasa dalam sesebuah komuniti juga sebenarnya berperanan sebagai solidariti komuniti. Ia merupakan undang-undang yang berasaskan budaya sesebuah komuniti khusus, yang kebanyakannya berbentuk lisan dan telah termaktub dalam alam kesedaran warganya. Setiap bentuk aturan sosial mempunyai "kuasa paksaan" menyebabkan ia perlu dipatuhi oleh semua warga komuniti. Secara langsung atau tidak langsung, kuasa paksaan ini mempunyai hukuman terhadap warga yang engkarkan aturan sosial, sebaliknya ganjaran diberikan terhadap warga yang patuh aturansosial. Pelbagai faktor solidariti komuniti menjelma dalam amalan-amalan sosial dan budaya. Amalan sosial dan budaya yang bersifat timbal-balik (*reciprocity*) dalam kegiatan sosio-ekonomi dan budaya seperti gotong-royong menanam dan menyuai padi, membina rumah

kediaman; upacara seperti perayaan, perkahwinan dan kematian.

Kekuatan solidariti dalam sesebuah komuniti khusus adalah bergantung kepada banyak faktor, antaranya adalah jarak kekeluargaan atau ikatan darah; persamaan etnik; sektor pekerjaan; modeniti dan urbanisme (Eva, Neilson, Swee 2018). Kajian-kajian empirikal masa lalu telah menunjukkan bahawa teknologi komunikasi maklumat (ICT) antara faktor yang telah merubah bentuk solidariti komuniti khusus dari bentuk tradisional kepada bentuk moden (Poline 2008; Gusni & Gary 2015; Gusni 2011; 2012). Semakin dekat jarak sosial daripada segi kekeluargaan atau ikatan darah dalam kalangan warga sesebuah komuniti maka semakin kuatlah solidariti komuniti berkenaan dan sebaliknya. Daripada segi sektor ekonomi seperti jenis pekerjaan, semakin rencam perbezaan sektor pekerjaan dalam kalangan sesebuah komuniti khusus, maka semakin terjejaslah kekuatan solidariti komuniti berkenaan. Terdapat dua jenis hubungan sosial sesebuah komuniti, iaitu hubungan sosial mendatar dan hubungan sosial menegak. Hubungan sosial mendatar lebih berpaksikan faktor dalaman komuniti sedangkan hubungan sosial menegak lebih berpaksikan faktor luaran komuniti. Oleh sebab itu pekerjaan disektor bandar, penggunaan ICT, ragam hidup urbanisme dan modeniti adalah antara bentuk-bentuk hubungan sosial yang menentukan sifat hubungan sosial dalam sesebuah komuniti, dan seterusnya mempengaruhi corak solidaritinya.

Komuniti khusus tidak semestinya hanya terdapat di kawasan luar bandar tetapi ia juga wujud dalam kawasan urban terutama di bandar-bandar besar. Komuniti-komuniti khusus di kawasan urban adalah komuniti desa “wujudulu”. Komuniti desa wujudulu bermaksud sesebuah komuniti yang telah wujud di sesebuah tempat sebelum wujud bandar di kawasan berkenaan. Ada di antara komuniti khusus ini wujud di kawasan luar pinggir bandar tetapi telah termasuk dalam kawasan yurisdiksi bandar akibat urbanisasi. Atas faktor inilah maka pada hari ini komuniti khusus telah mengalami modeniti, justeru itu sifat solidaritinya juga sudah semakin “longgar” jika dibandingkan dengan keadaannya yang tradisional. Fenomena komuniti khusus seperti ini begitu ketara dalam masyarakat yang sedang membangun, termasuklah di Malaysia. Faktor besar yang telah menyebabkan keadaan ini terjadi, pertama disebabkan oleh faktor wujudulu dan kedua, faktor urbanisasi. Oleh itu komuniti-komuniti khusus yang berada dalam kawasan

bandar sering dirujuk sebagai komuniti terbandar. Dalam kes ini, komuniti desa terbandar juga disebut sebagai komuniti desa bandar *in-situ*. Terdapat juga komuniti khusus di bandar yang dibentuk oleh sejumlah penduduk yang telah berhijrah dari desa ke bandar, sama ada oleh orang-orang yang berasal dari komuniti yang sama atau oleh orang-orang yang datang dari komuniti-komuniti berlainan. Komuniti ini disebut komuniti desa imigran yang dari segi solidariti tidak lagi begitu berasaskan hubungan sosial mendatar tetapi lebih menegak.

Komuniti terbandar adalah komuniti desa yang telah mengalami perubahan paksi solidariti dan meletakkan mereka dalam kedudukan transisi dari komuniti khusus kepada komuniti generik. Melihat daripada dimensi ekonomi pula, kampung kepada komuniti khusus terbandar bukan lagi semata-mata sebagai tempat tinggal tetapi ia sudah menjadi tempat bekerja (Gusni 2010b) yang menandakan sempadan ruang individu telah mengatasi sempadan ruang komuniti.

#### KOMUNITI SEBAGAI METOD KAJIAN

Hasil penelitian ke atasteori-teori komuniti terdahulu yang telah bentuk dan dibahaskan oleh para ahli sosiologi seperti Tonnes (1957), Redfield (1953) Durkheim (1964), mendapati bahawa sebelum muncul era perindustrian, manusia adalah tinggal dan hidup dalam komuniti khusus. Pada masa itu komuniti khusus berperanan sebagai pelindung kepada warga komuniti dari segi keselamatan, sumber ekonomi dan budaya. Setelah muncul dan berkembang masyarakat industri di Eropah Barat dan Amerika Syarikat pada abad ke-18, komuniti khusus telah mengalami proses transformasi struktural (Polanyi 1957) yang menyebabkan terjadinya transisi kepada komuniti generik.

Daripada tiga komponen utama masyarakat iaitu manusia, institusi dan geo-politik, maka manusia merupakan komponen asas yang telah mencipta institusi dan geo-politik untuk menjaga kepentingannya. Walaupun komuniti khusus sudah tidak lagi begitu berpengaruh dalam masyarakat membangun tetapi ia masih berpengaruh terhadap struktur masyarakat sedang membangun, memandangkan kebanyakan penduduknya hidup dalam komuniti khusus. Pengaruh komuniti khusus begitu terserla dengan wujudnya institusi-institusi negara seperti kementerian pembangunan luar bandar di Malaysia, yang melaksanakan agenda pembangunan nasional

peringkat komuniti di kawasan luar bandar. Oleh kerana kebanyakan penduduk di negara-negara sedang membangun seperti di Malaysia, adalah hidup dalam komuniti khusus dan mewakili lebih 50 peratus populasi negara, maka isu-isu sosio-ekonomi dan budaya yang berlaku pada tahap komuniti khusus adalah refleksi terhadap isu-isu yang sama yang dialami pada peringkat masyarakat. Dengan demikian, komuniti terutamanya komuniti khusus, sebenarnya adalah unit analisis utama dalam kajian masyarakat. Oleh hal yang demikian tidak hairanlah jika kebanyakan kajian dalam sains sosial, secara langsung ataupun tidak, adalah berkaitan dengan isu-isu pembangunan peringkat komuniti sama ada komuniti generik mahupun komuniti khusus.

Komuniti sebagai sebuah metod kajian tidak sama dengan metod kajian komuniti. Oleh itu menurut Stein (1964 dalam Bell & Newby 1971: 38) komuniti sebagai metod kajian berminat mengkaji komuniti sebagai satu proses sosial yang lebih besar iaitu peringkat makro-masyarakat. Kajian komuniti hanyalah satu daripada teknik pemerhatian yang berpusatkan kepada proses sosial mikro-masyarakat bagi memahami proses-proses sosial makro-masyarakat. Fenomena perubahan sosial sebagai contoh, sebahagiannya terjadi dalam komuniti, sebagaimana yang telah dibuktikan oleh para ahli sosiologi dan antropologi. Ferdinand Tonnies menerangkan bahawa terdapat hubungan *continuum* di antara komuniti dengan masyarakat (Kinney & Loomis 1957 dalam Bell & Newby 1971). Menurut Durkheim (1964 dalam Ritza 1996: 17-19) proses perubahan komuniti menuju kepada masyarakat terjadi akibat peningkatan pengkhususan kerja dalam sistem ekonomi yang berpusatkan tenaga kerja individu bukan tenaga kerja keluarga. Kesannya solidariti komuniti berubah dari yang bersifat mekanikal kepada yang bersifat organik iaitu perubahan komuniti khusus (mikro) kepada komuniti generik (makro).

Dalam hal ini kajian komuniti sudah menjadi salah satu bidang kajian sosiologi dan ia telah diiktiraf oleh kebanyakan ahli sosiologi sebagai salah satu metod penyelidikan (Stein 1964 dalam Bell & Newby 1971: 38). Dalam Komuniti, sama ada komuniti khusus mahupun komuniti generik, terdapat ciri-ciri masyarakat yang menyebabkan komuniti adalah bayangan kepada masyarakat. Sebagai contoh, dalam komuniti khusus ada struktur sosial, ada institusi dan organisasi sosial yang membolehkan komuniti dianggap sebagai sub-unit kepada masyarakat, walaupun orientasinya

adalah lokal. Oleh sebab itu, tujuan kajian komuniti sebagai metod bukanlah mahu menganalisis fenomena-fenomena komuniti secara khusus, tetapi adalah untuk mendapatkan maklumat empirical untuk mendapatkan kefahaman dan menerangkan proses-proses sosial yang lebih luas pada peringkat masyarakat.

Dari perspektif sosiologikal proses-proses sosial adalah merujuk kepada pola-pola hubungan sosial (*social relations*) pelbagai hala seperti hubungan sosial mendatar dan menegak. Komuniti sebagai sebuah penghidupan (*livelihood*) adalah digerakkan oleh hubungan-hubungan sosial dalaman dan luaran, yang merangkum interaksi dan tindakan sosial. Hubungan sosial dalam soal tanah sebagai contoh, komuniti berdepan dengan isu penggunaan dan pemilikan tanah yang bukan sahaja perlukan tindakan warga komuniti tetapi ia tertakluk kepada bidang kuasa pihak berkuasa jabatan tanah. Ini menggambarkan bahawa walaupun masalah pemilikan dan penggunaan tanah isu dalaman komuniti tetapi punca masalah adalah di pejabat tanah. Dalam hal ini yang menjadi perhatian komuniti sebagai metod kajian, adalah apa kaitan isu pemilikan dan penggunaan tanah peringkat komuniti dengan proses pentadbiran tanah di peringkat nasional. Tanah Hak Adat Natif (NRC on land) adalah isu tanah peringkat komuniti khusus (John 2009), tetapi dari segi pentadbiran ia adalah bidang kuasa negara (Hooker 1996). Sebagai contoh, di Sabah, Sarawak dan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia; di Amerik Sayrikat, dan di New Zeland, walaupun Tanah Hak Adat Natif di bawah kuasa negara tetapi isu sebenar yang berbangkit tentangnya hanya diketahui menerusi konflik penggunaan tanah pada peringkat komuniti khusus.

Dalam komuniti generik terutama yang formal, juga mengandungi begitu banyak elemen metodologi untuk memahami proses-proses sosial yang lebih luas iaitu peringkat masyarakat. Sebagai contoh, konflik pengurusan/pentadbiran sistem pengangkutan nasional hanya diketahui menerusi hubungan sosial peringkat persatuan pemandu teksi kebangsaan. Sebagai contoh, bagaimana tindakan sistem pengangkutan darat (SPAD) Malaysia yang mengiktiraf teksi GRAB telah memberi kesan negatif ke atas lebih 80 ribu ahli persatuan pemandu teksi. Sama seperti kes komuniti khusus, dalam konteks komuniti generik minat para pengkaji bukan ke atas fenomena dalamannya, tetapi kepada bagaimana fenomena dalaman ini dapat membantu para pengkaji untuk memberikan sistem penerangan



terhadap fenomena sama yang lebih luas pada peringkat nasional.

## KESIMPULAN

Metodologi secara umumnya adalah merujuk kepada cara bagaimana menjana ilmu pengetahuan menerusi penyelidikan ilmiah tentang sesuatu fenomena sosial dan seterusnya daripada dapatan kajian tersebut, bagaimana ilmu pengetahuan dibentuk. Komuniti sebagai sebuah metod kajian sains sosial terutama sosiologi, kebanyakannya berbentuk kajian kes yang menggunakan pendekatan kualitatif. Komuniti, baik kategori generik mahupun khusus, adalah unit masyarakat dalam komponen manusia, yang ketiga terkecil setelah keluarga dan individu. Oleh itu, isu-isu sosial seperti kemiskinan, pekerjaan, pemilikan, pendidikan, tanah dan infrastruktur yang dialami oleh sesebuah komuniti khusus, adalah cerminan kepada isu pembangunan pada peringkat nasional sesebuah masyarakat. Berdasarkan contoh ini, jelas bahawa komuniti adalah berfungsi sebagai metod kajian sains sosial.

Komuniti sebagai sebuah gagasan konsep mengandungi banyak elemen metodologi yang membolehkan para pengkaji melakukan kajian mikro-masyarakat untuk memahami makro-masyarakat. Ini termasuklah membentuk konsep-konsep kendali (*operationalize concepts*), membentuk angkubah-angkubah dan menentukan unit analisis kajian. Ia merangkumi: i) sumber maklumat seperti pemimpin-pemimpin komuniti, ketua isi rumah (KIR) dan ahli-ahli isi rumah; dan ii) sub-sub unit analisis seperti solidariti, modal sosial, konfigurasi nilai dan penilaian, pembangunan komuniti, dan migrasi komuniti desa-urban.

Pada tahun 1980-an di Barat muncul semula pemikiran tahun 1950-an yang mempersoalkan sama ada kajian komuniti masih relevan ataupun tidak, seperti diutarakan oleh Abdul Halim (1990). Pemikiran ini melihat bahawa kajian komuniti tidak lagi relevan kerana sifat kajian itu yang terlalu khusus sedangkan pada era perindustrian ciri-ciri komuniti desa sudah beransur pupus. Satu perkara yang tidak dipertimbangkan dalam pandangan tersebut adalah hakikat bahawa masyarakat adalah sebuah sistem/struktur sosial yang terbentuk dari komponen manusia, institusi dan geo-politik. Walaupun ciri-ciri komuniti khusus sudah tidak begitu nampak kepentingannya di negara-negara industri terutama di Eropah Barat dan Amerika Syarikat tetapi komuniti generik begitu besar dan

secara langsung dan tidak langsung ia mempunyai pengaruh yang besar dalam struktur/sistem masyarakat. Oleh kerana masyarakat yang mundur dan sedang membangun kini sedang mengikut jejak masyarakat membangun, maka peranan komuniti generik sebagai metod penyelidikan sains sosial akan semakin penting.

Isu yang menjadi perhatian utama kajian sains sosial terutama dalam masyarakat yang mundur dan sedang membangun, adalah isu kemunduran dan kemiskinan. Dalam masyarakat mundur dan sedang membangun isu kemunduran dan kemiskinan adalah tertumpu kepada penduduk yang hidup dalam komuniti khusus di bandar dan luar bandar. Memandangkan komuniti menjadi bahagian penting masyarakat maka pencapaian pembangunan peringkat komuniti mempunyai pengaruh terhadap keseluruhan prestasi pencapaian pembangunan sesebuah negara. Oleh sebab itulah komuniti sebagai konsep dan kategori sosial terus mendapat tempat dalam dasar-dasar dan program-program pembangunan sesebuah negara terutama di negara-negara sedang membangun. Atas rasional itu maka komuniti sebagai satu konsep dan pada masa yang sama berfungsi sebagai metodologi terus mendapat tempat dalam pengajian sains sosial terutama sosiologi dan antropologi sosial.

## PENGHARGAAN

Sebahagian data makalah ini adalah dapatan Kajian Geran Penyelidikan yang dibiayai oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS), Grant Code: SGK0003-SS-2015. “Source of encouraging and discourage of the development Sama Dilaut in Sabah, Malaysia”.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Ali. 1990. *Melukut Kota*. Kota Kinabalu: YS-UKM.
- Anderson, B. 1991. *Imagined Communities: Reflections on the Origin and Spread of Nationalism*. London: VERSO.
- Bell, C & Newby, H. 1971. *Community Studies: An Introduction to the Sociology of the Local Community*. London: George Allen & Unwin LTD.
- Durkheim, E. 1964. *The Division of Labour in Society*. New York: Free Press.
- Eva Kristin Larry Sait, Neilson Ilan Mersat & Swee Kiong Wong. 2018. Preliminary observations on indigenous knowledge and the uses of natural resources in Banting and Padawan. *Akademika* 88:33-42.

- Gusni Saat & Gary Loh Chee Wyai. 2015. Investigating a telecenter' contribution to community development: an experience of Buayan Sabah, Malaysia. *Jurnal komunikasi Borneo, Edisi Khas (Konvokesyen ke-17 UMS)*: 66-82.
- Gusni Saat & Jalihah Md Shah. 2019. Socio-political Dimension to the Security of Eastern Sabah. In *Holistic Development and Security for ESSZONE*, edited by Diana Peters, Jennifer Chan Kim Lian, Gusni Saat, Abentin Estim & Martin A. Sebastian. Kota Kinabalu: UMS Press.
- Gusni Saat. 2010a. *Komuniti Sama-Bajau Sulawesi Selatan dalam Kancah Urbanisasi*. Kota Samarahan: UNIMAS press.
- Gusni Saat. 2010b. Telecenter as a means of socio-economic development among the indigenous communities in BIMP-EAGA Zones: Potential and Challenges. Paper presented at BIMP-EAGA Conference (BEC 2012), 9<sup>th</sup> – 11<sup>th</sup> July 2012, Sutera Pacific Hotel Kota Kinabalu Sabah Organized by BIMP-EAGA Unit for Tourism Development School of Business and Economic.
- Gusni Saat. 2011. Studying the impact ICTs on rural development: a general framework. Working paper CITA Workshop "How to deploy technologies (ICT) to remote and rural communities" Organized by ISITI-CoERI UNIMAS 11 July at Teaching Lab 1.
- Gusni Saat. 2012. Telecenter luar bandar dan peranan belia Malaysian. *Journal Of Youth Studies* 6: 203-216
- Hooker, M. B. 1996. The Orang Asli and the Laws of Malaysia: With special reference to land. *Akademika* 48: 21-50.
- Phoa, J. 2009. Protecting native customary rights: Is legal recourse viable alternative? *Akademika* 77: 69-89.
- Knot Atok. 2011. Modal Sosial dan peranannya dalam pembangunan komuniti Kenyah Badeng : Kajian Kes di Data Kakus Tatau Bintulu, Sarawak. Tesis Master dengan Penyelidikan Fakulti Sains Sosial, UNIMAS Kota Samarahan, Sarawak.
- Polanyi, K. 1957. *The Great Transformation - The Political and Economic Origins of Our Time*. Boston: Bracon Press.
- Poline, B. 2008. Desire for progress: the Kelabit Experience with Information Communication Technologies (ICTs) for Rural Development in Sarawak, East Malaysia. Unpublished Doctoral Dissertation, Christ's College, Cambridge University, Cambridge.
- Putnam, R. D. et al. 1993. Social capital and institutional success. In *Foundations of Social Capital*, edited by Ostrom, E. and Ahn, T. K. London: Edward Elgar Publishing Limited. H.
- Redfield, R. 1953. *The Primitive World and Its Transformations*. New York: Cornell University Press.
- Ritza, G. 1996. *Modern Sociological Theory*. 4<sup>th</sup> edition. New York: McGraw-Hill Companies, Inc.
- Tonnies, F. 1957. *Community and Society*. New York: Harper Torchbook.

Gusni Saat  
Fakulti Kemanusiaan , Seni dan Warisan  
Universiti Malaysia Sabah  
Jalan UMS, Kota Kinabalu  
88400 Sabah  
Malaysia  
E-mail: sgusni@gmail.com

Received: 27 Julai 2018  
Accepted: 18 September 2019